



# **KENYATAAN MEDIA**

## **UNTUK SIARAN SEGERA**

### **INSENTIF PENGECUALIAN BAYARAN BALIK PINJAMAN PTPTN**

1. Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada YAB Dato' Seri Ismail Sabri bin Yaakob, Perdana Menteri serta menyambut baik pengumuman mengenai insentif memberikan semula keistimewaan kepada mana-mana pelajar yang membuat pinjaman PTPTN dan mendapat Ijazah Sarjana Muda Kelas Pertama tanpa mengira status ekonomi, bangsa dan agama untuk ditukarkan pinjaman mereka kepada pengecualian bayaran balik pinjaman bagi peminjam PTPTN yang bergraduat bermula tahun 2019.
2. Sebelum ini mulai tahun 2019, pengecualian bayaran balik pinjaman PTPTN hanya diberikan kepada peminjam yang mendapat Ijazah Sarjana Muda Kelas Pertama bagi kategori kumpulan B40 dan M40 sahaja. Dengan pengumuman YAB Perdana Menteri ini sempena Majlis Sambutan Jubli Perak 25 Tahun PTPTN pada 27 Julai 2022, insentif ini akan diperluaskan kepada semua kategori peminjam yang bergraduat bermula tahun 2019 tanpa mengira had pendapatan.
3. Bagi memastikan insentif ini dilaksanakan dengan berkesan, PTPTN akan mengadakan perbincangan dengan Kementerian Kewangan berkaitan peruntukan dan kaedah pelaksanaan akan dimaklumkan setelah dimuktamadkan. Pemberian insentif ini jelas menunjukkan keprihatinan Kerajaan dan sebagai dorongan untuk menggalakkan pelajar yang merupakan peminjam PTPTN untuk mencapai pendidikan dengan cemerlang. PTPTN sebagai agensi di bawah Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) sentiasa komited memastikan agar urusan berkenaan pengecualian bayaran balik pinjaman ini dapat dilaksanakan dengan baik demi kebajikan para peminjam PTPTN.

**Apli bin Yusoff**  
**Pengerusi**  
**Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)**

**29 Julai 2022**